


IPT jangan sampai jadi zon kebal kritikan – MCW

• Oleh Berita Harian- Jais Abdul Karim - 8 April 2026 @ 2:59 pm



Infografik oleh SPRM

MCW menekankan bahawa usaha integriti tidak seharusnya terhad kepada program dan kempen semata-mata, tetapi perlu disokong dengan ketelusan, audit bebas, tindakan disiplin tegas serta perlindungan kepada pemberi maklumat. Secara keseluruhannya, kritikan terhadap IPT perlu dilihat sebagai mekanisme semak dan imbang bagi memastikan institusi pendidikan tinggi benar-benar berintegriti dan mampu memainkan peranan sebagai benteng ilmu serta pembentukan akhlak masyarakat.

Pemerhati Rasuah Malaysia, Malaysia Corruption Watch (MCW), berpandangan bahawa institusi pengajian tinggi (IPT) tidak wajar dilabel sebagai “lubuk rasuah” hanya berdasarkan kes terpencil, namun tetap mengakui wujud risiko penyalahgunaan kuasa dalam sektor tersebut. MCW menegaskan bahawa isu integriti bukan sekadar persepsi, sebaliknya dibuktikan melalui kes tangkapan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang melibatkan pensyarah dalam pengurusan projek penyelidikan. Hal ini menunjukkan bahawa ruang untuk rasuah tetap wujud, khususnya dalam pengurusan dana, geran, perolehan serta kuasa akademik. Dalam masa sama, MCW menzahirkan kebimbangan terhadap sikap defensif dan “sindrom penafian” dalam kalangan segelintir pihak IPT yang lebih cenderung mempertahankan imej berbanding memperbaiki kelemahan sistem.

PISKANITA dan HEPA Unimap perkukuh kerjasama demi kebajikan mahasiswa

• Oleh Berita Harian- MOHD HAFIZ ABD MUTALIB - 27 April 2026, 6:50 am



TUANKU Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan bergambar bersama para penyumbang bersempena Majlis Amal Gemilang PISKANITA 2026 di Dewan Ilmu, kampus Alam, Unimap, Pauh Putra, Arau, Perlis kelmarin.

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melalui kerjasama strategik antara Persatuan Isteri dan Kakitangan Wanita UniMAP (PISKANITA) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah berjaya menganjurkan Majlis Amal Gemilang 2026. Program yang dihadiri oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir ini, merupakan manifestasi komitmen berterusan dalam memperkasakan kebajikan mahasiswa secara inklusif. Melalui usaha proaktif ini, dana berjaya dikumpulkan bagi memastikan ekosistem sokongan pelajar sentiasa terpelihara selari dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Sebanyak lebih RM260,000 dana yang terkumpul akan dimanfaatkan untuk pelbagai inisiatif kebajikan, termasuk pemberian komputer riba kepada pelajar asnaf, penyediaan kemudahan asas seperti mesin penapis air, serta sokongan kepada Program A-HEART bagi kanak-kanak autistik. Usaha murni ini bukan sahaja meringankan beban mahasiswa, malah menyokong aspirasi nasional dalam membina kesejahteraan pelajar yang holistik mengikut hala tuju Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035.

